

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Selasa, 14 Februari 2017 12:30 ptg
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Mohd Ashari B Yaakub; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin
Subject: INASIS SIME DARBY ONLINE: KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI (KPO) INASIS SIME DARBY 2017



14 FEBRUARI 2017, SELASA | 17 JAMADILAWAL 1438H



INASIS SIME DARBY ONLINE: Seramai 26 orang pelajar termasuk 9 orang staf dari Inasis Sime Darby, Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Utara Malaysia telah menyertai Kursus Pengurusan Organisasi (KPO) dan *Student Leadership Camp* (SLC) 2017 bertempat di Pangkok Bay View Beach Resort Teluk Nipah, Pulau Pangkor Perak pada 31 Januari hingga 02 Februari 2017. Antara yang terlibat adalah Pengetua, Penolong Pengetua, Staf Pentadbiran, Ahli Jawatankuasa Kepimpinan dan Pembangunan Siswa (JKPS), Timbalan Exco serta Pembantu Penghuni Blok (RA).

Program ini dijalankan adalah untuk meningkatkan semangat dan motivasi bagi membentuk budaya kerja berpasukan (*teamwork*), disamping mengeratkan hubungan antara pelajar dan staf. Selain itu, aktiviti yang dijalankan menumpukan kepada penambahan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam kepimpinan, pembentukan jati diri dan pelengkapan kemahiran insaniah bagi memantapkan pengurusan organisasi Inasis Sime Darby.

Program KPO yang dijalankan selama 3 hari 2 malam ini dirasmikan oleh Dr. Che Mohd Aziz Yaacob. Beliau mengharapkan JKPS dan RA dapat mengadaptasikan segala ilmu dan kemahiran yang diperolehi semasa aktiviti dijadikan pengalaman di alam pekerjaan yang mencabar. Beliau juga amat mengharapkan ilmu dan pengalaman yang akan diperolehi sepanjang kursus ini dapat melahirkan pelajar yang berilmu, berkemahiran dan matang khususnya dalam menjalankan aktiviti/program yang dapat menjana sumber pendapatan kepada Inasis Sime Darby.

Antara pengisian program yang berlangsung selama 3 hari 2 malam ini ialah *Ice Breaking*, latihan dalam kumpulan yang memberi fokus kepada penyelesaian masalah dan cara menghadapi konflik organisasi, sesi ceramah pengurusan pentadbiran dan tatacara kewangan, pengurusan fail dan penulisan surat rasmi, pengurusan teknikal penginapan, pengurusan surat pos pelajar dan perbincangan penyediaan Almanak 2017.

Manakala program (*teambuilding*) melibatkan *snorkeling*, sukaneka, dan sukan pantai yang melibatkan semua pelajar dan staf. Pertandingan nyanyian karaoke dan BBQ diadakan pada malam terakhir. Pengetua dan Penolong Pengetua Inasis Sime Darby turut serta dalam semua aktiviti yang dijalankan. Lawatan mengelilingi Pulau Pangkor serta lawatan ke tempat bersejarah iaitu Galeri Pangkor, Kota Belanda dan Batu Bersurat diadakan pada hari terakhir sebelum berangkat pulang ke UUM.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

